

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[ PETALING JAYA UTARA ]**

**TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ PETALING JAYA UTARA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci syarat-syarat penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang termasuk pemilik syarikat baru, tarikh perjanjian, nilai dan struktur penswastaan dan syarat-syarat lain utama. Adakah pihak swasta diwajibkan untuk mendalamkan Selat Pulau Pinang untuk membolehkan kapal yang lebih besar singgah di sana.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. telah diperakukan sebagai pembida yang berjaya bagi cadangan penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang melalui pemilikan ekuiti di dalam Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) setelah cadangan syarikat, bersama-sama dengan 4 syarikat lain dinilai daripada aspek teknikal dan kewangan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan yang dianggotai oleh wakil-wakil kementerian dan agensi yang berkenaan. Perolehan ini telah dibuat secara tender terhad (*restricted tender* – dengan izin).

Tuan Yang di-Pertua,

Rundingan mengenai terma-terma perjanjian telah dimuktamadkan dan Perjanjian Tambahan (*Supplemental Agreement*) Penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang telah ditandatangani pada 23 November 2013 antara pihak Kerajaan yang diwakili oleh Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dengan pihak syarikat.

Antara obligasi syarikat adalah melaksanakan tanggungjawab sosialnya untuk menyediakan kemudahan pengangkutan feri yang memerlukan kos yang besar, di mana syarikat terpaksa menanggung kerugian kira-kira

RM16 juta pada setiap tahun. Selain itu, syarikat juga perlu mengambil alih beban hutang PPSB melebihi RM1.2 bilion, menanggung kos pelaksanaan kerja-kerja pengurukan utama (*capital dredging* – dengan izin) dari 11.5 meter kepada 14.5 meter dan membuat suntikan modal (*cash injection* – dengan izin) bagi menyokong pembangunan di pelabuhan berkenaan.

Setakat ini, syarikat telah membuat bayaran tunai kepada Kerajaan bagi pemilikan ekuiti di dalam PPSB pada 19 November 2013. Pada masa ini, proses *transfer of shares* (dengan izin) sedang dalam tindakan Kementerian Kewangan dan syarikat.

Sekian, terima kasih.